# MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI WAKAF DI MALAYSIA MELALUI WAKAF BERTEMPOH

## STRENGTHENING *WAQF* INSTITUTION IN MALAYSIA THROUGH TEMPORARY *WAQF*

Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil [i]*, Muhamad Firdaus Ab Rahman [ii], Hussein Azeemi Abdullah Thaidi [ii], Azman Ab. Rahman [iii]

[i] Master of Shariah, Faculty Shariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia.

[ii] Senior lecturer, Faculty Shariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia.

[iii] Assoc. Prof, Faculty Shariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia.

*(Corresponding author) email: ainulhakim9665@gmail.com

## ABSTRAK

Wakaf merupakan satu amalan bersedekah yang sistematik dan merupakan salah satu medium yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Pengaplikasian wakaf telah pun bermula sejak dari zaman awal kedatangan Islam dan terus berkembang ke seluruh negara sehingga ke hari ini. Malaysia merupakan salah satu negara yang mengaplikasikan wakaf secara meluas. Secara amnya, hampir seluruh negeri di Malaysia mengaplikasikan mazhab Shāfiᶜiy pada perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam termasuk wakaf kecuali negeri Perlis. Hal ini termaktub di dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam bagi setiap negeri. Menurut mazhab Shāfiᶜiy, wakaf hanya sah jika diaplikasikan secara kekal. Meskipun demikian, terdapat beberapa negeri yang membenarkan pengaplikasian wakaf secara bertempoh seperti Johor, Wilayah Persekutuan, Terengganu, dan Sarawak. Persoalannya, adakah pengaplikasian wakaf bertempoh ini mampu memberikan perubahan serta mengukuhkan institusi wakaf di Malaysia? Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pengaplikasian wakaf yang sedia ada di Malaysia serta mencadangkan pengaplikasian wakaf bertempoh sebagai alternative agar diperluaskan di setiap institusi wakaf di Malaysia. Kaedah kualitatif diaplikasikan di dalam kajian ini dengan menggunakan metode kajian kepustakaan dan pemerhatian untuk pengumpulan data. Data ini dianalisis dengan menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa pengaplikasian wakaf bertempoh ini mampu memberikan nafas baharu serta memperkukuhkan institusi wakaf di Malaysia.

***Kata kunci****: Institusi Wakaf, Wakaf Bertempoh, Malaysia.*

## ABSTRACT

*Waqf is a systematic form of almsgiving and it is a one of the factors that influenced the economic development and growth of a country.The application of waqf has begun since in the early advent of Islam and grown across the countries until nowadays. Generally, Malaysia is one of the country that applied waqf broadly and most of the states in Malaysia solely applied Shāfiᶜiy sect except Perlis in the matters relating to Islamic law include waqf, this can be referred to the State Administration of Islamic Law. Based on Shāfiᶜiy school of thought, waqf is only valid in perpetuity. However, there are some states that allowed the application temporary waqf such as Johor, Federal Territories, Terengganu, and Sarawak. The issue arises whether the application of temporary waqf can provide an alternative and strengthen the waqf*

*institutions in Malaysia. Hence, the objectives of this study is to analyse the existing application of waqf in Malaysia and to suggest the implementation of temporary waqf as one of the alternative waqf for the benefit of future generation. The qualitative method was adopted in this research and using the method of libraryresearch and observation to collect the data. All the data were analyzed using inductive and deductively. The result from the study shows that the application of temporary waqf are able to strengthen the waqf institutions in Malaysia.*

***Keywords**: Waqf Institutions, Temporary Waqf, Malaysia.*

## Pendahuluan

Wakaf adalah satu bentuk pemberian sedekah kepada mereka yang memerlukan dengan menahan sesuatu harta itu daripada sebarang transaksi. Pengamalan wakaf ini telah bermula sejak dari zaman Rasulullah ﷺ dan berkembang sehingga ke hari ini. Ia merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi perkembangan ekonomi Islam. Secara amnya, majoriti negeri-negeri di Malaysia mengaplikasiakan mazhab Shāfiᶜiy di dalam perundangan Islam (M. Firdaus & Amanullah, 2016). Menurut mazhab Shāfiᶜiy, wakaf hanya sah jika dilakukan secara berkekalan. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti negeri-negeri di Malaysia mengaplikasikan wakaf secara kekal. Namun begitu, terdapat beberapa negeri yang membenarkan pengaplikasian wakaf bertempoh. Justeru, kajian ini akan memperincikan tentang konsep wakaf bertempoh serta persepsi para fuqahaʹ terhadap pengaplikasiannya.

Berdasarkan kepada undang-undang tertinggi yang diguna pakai di Malaysia iaitu Perlembagaan Persekutuan, Perkara 1 di dalam Senarai Negeri Jadual Kesembilan menyatakan bahawa segala perkara yang berkaitan dengan perundangan dan hal ehwal agama Islam adalah tertakluk di bawah kuasa kerajaan negeri termasuk wakaf. Hal ini menunjukkan bahawa setiap negeri mempunyai peruntukan perundangan tersendiri bagi hal ehwal agama Islam. Pentadbiran dan pengurusan harta wakaf adalah di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri. Dalam erti kata yang lain, Majlis Agama Islam Negeri berperanan adalah sebagai *mutawalli* iaitu pengurus harta wakaf. Sebahagian daripada Majlis Agama Islam Negeri telah menubuhkan institusi khas untuk menguruskan hal ehwal wakaf seperti Perbadanan Wakaf Selangor, Tabung Baitulmal Sarawak, dan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (Yayasan Waqaf Malaysia, 2020).

Secara amnya, wakaf bertempoh ini merupakan satu bentuk wakaf yang mempunyai sistem yang fleksibel dan berkesan terhadap pembangunan ekonomi. Hal ini dapat dilihat dengan pengaplikasian produk wakaf bertempoh yang semakin pesat membangun seperti skim wakaf tunai, wakaf saham, serta wakaf harta alih. Namun begitu, wakaf bertempoh ini masih lagi tidak diaplikasikan secara meluas dan rasmi. Justeru, kajian ini akan menerangkan tentang keupayaan wakaf bertempoh dalam memperkukuhkan institusi wakaf di Malaysia.

## Metode Kajian

Kajian ini telah mengadaptasikan metode kualitatatif untuk menganalisa data melalui kaedah induktif, deduktif, analisis kandungan, dan kaedah hermeneutik. Tujuan kaedah kualitatif ini dipilih adalah untuk mendapat kefahaman yang jitu dan mendalam berkenaan pandangan atau pengalaman seseorang mengenai suatu fenomena (Creswell, Hanson, Clark Plano, & Morales, 2007). Hal ini bermaksud kaedah ini digunakan untuk menilai karya-karya intelektual seperti buku, jurnal, dan artikel yang diterbitkan oleh tokoh-tokoh akademik serta para cendekiawan. Pengkaji mengaplikasikan kaedah kajian dokumentari dengan tujuan untuk mendapatkan serta mengumpulkan data melalui dokumen-dokumen, kajian lepas, dan rakaman yang telah diterbitkan (Neely & Ponshumugam, 2019). Ahmed (2010) menyatakan bahawa kedah kualitatif ini sesuai untuk menilai secara ilmiah segala dokumen bertulis sama ada ianya domain awam atau peribadi.

Pengkaji telah mengkaji serta menilai dokumen sumber primer iaitu daripada Al-Quran dan hadith di dalam kajian ini. Kedua-dua sumber ini dianggap sebagai sumber primer kerana ianya bebas daripada pemikiran peribadi, muktamad, dan dianggap sumber asas dan asal. Manakala sumber skunder pula terdiri daripada buku-buku fiqh tradisional dan kontemporari, jurnal, dan artikel yang berkaitan dengan tema kajian. Sumber skunder ini juga diperolehi daripada jurnal berindex seperti *Scopus* yang diakses melalui portal Ezproxy yang dilanggani oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Metode analisis kandungan juga diterapkan di dalam kajian ini. Kaedah ini digunakan untuk menganalisa semua data yang diperolehi sama ada daripada sumber primer atau skunder. Lac (2016) menyatakan antara tujuan utama kaedah ini diaplikasikan adalah untuk mengklasifikasi, menilai, dan mengkaji semua data secara sistematik dan bersasar. Memandangkan kajian ini bersifat kualitatif pada dasarnya, Merriam (2014) berpendapat bahawa semua data yang diperolehi di dalam kajian ini akan dianalisa melalui kaedah induktif dan komparatif. Dengan mengaplikasikan kaedah ini, pengkaji dapat mengklasifikasikan data dan mengaturnya dengan cara yang sistematik.

Seterusnya, kaedah analisa hermeneutik juga telah diadaptasikan di dalam kajian ini. Perkataan hermeneutik ini juga dikenali sebagai terjemahan atau pentafsiran manuskip purba atau ayat-ayat suci daripada kitab suci. Paterson dan Higgs (2005) menegaskan bahawa tujuan utama pengaplikasian kaedah ini adalah untuk mentafsirkan terma atau perkataan yang tertentu dan dokumen ynag bersifat primer. Tambahan pula, Batista, Mocrosky, dan Mondini (2019) menyatakan bahawa kaedah ini juga dikenali sebagai kaedah untuk mentafsirkan sesuatu. Pengkaji mengadaptasikan kaedah ini dengan tujuan untuk menterjemah serta mentafsirkan kitab-kitab tradisional Islam, serta beberapa perkataan yang penting dengan merujuk kepada beberapa kitab fiqh yang sahih untuk memperolehi satu tafsiran yang sempurna dan tepat.

## Hasil Kajian Dan Perbincangan

### *Konsep Wakaf Bertempoh*

Perkataan wakaf bertempoh ini terbina daripada dua kalimah yang mempunyai maksud yang tersendiri iaitu ‘wakaf’ dan ‘bertempoh. Perkataan wakaf ini berasal daripada bahasa arab dan ianya kata terbitan daripada kalimah *waqafa* (وَقَفَ) yang memberi maksud menahan, menegah, dan berhenti (Abu Al-Husain, 1979; Al-Jurjani, 1982; Ibn Manzur, 2007). Kalimah ini juga boleh dipelbagaikan maksudnya bergantung pada penggunaannya di dalam konteks sesuatu ayat. Walau bagaimanapun, para fuqaha´ telah bersepakat bawah maksud wakaf dari sudut bahasa ialah menahan sesuatu harta (Al-Zuhaili, 1984; Asmak, 2009). Hal ini adalah berdasarkan daripada hadith Rasulullah ﷺ iaitu:

{إن شئت حبست أصلها وتصدقت بها}

*Terjemahan: "Jika engkau mahu tahanlah asetnya dan sedekahkanlah hasilnya."*
(Hadith. Al-Bukhāri. Kitab Al-Waṣāyā. Bab Al-Waqf Kaifa Yuktab. Jil 10: #2587)

Berdasarkan daripada hadith yang dikemukakan, perkataan *al-habs* (الحبس) yang tertera di dalam matan hadith ini merujuk kepada maksud menahan sesuatu harta. Justeru, tiada percanggahan dikalangan fuqaha´ pada definisi wakaf dari sudut bahasa.

Namun begitu, para fuqaha´ mempunyai pentakrifan wakaf yang berbeza dari sudut istilah. Berdasarkan daripada mazhab Hanafi, terdapat dua definisi wakaf yang berbeza. Imam Abu Hanifah mendefinisikan ia sebagai “*menahan sesuatu harta yang dihukumkan pemilikannya kepada al-waqif serta manfaat harta wakaf itu disedekahkan walaupun dalam kuantiti yang sedikit*” (Al-Haskafi, 2002). Manakala Imam Muhammad dan Qadi Abu Yusuf pula mentakrifkan wakaf sebagai “*menahan sesuatu harta atau aset dan harta tersebut dihukumkan pemilikannya kepada Allah ﷻ serta disedekahkan manfaatnya kepada golongan yang berhak sebagaimana yang ditetapkan oleh pewakaf (al-waqif)*” (Al-

Haskafi, 2002). Pengkaji mendapati bahawa perbezaan daripada kedua-dua definisi ini adalah pada status pemilikan harta wakaf (*al-mauqūf*). Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa pemilikan harta wakaf tersebut kekal menjadi milik pewakaf. Imam Muhammad dan Qadi Abu Yusuf pula menyatakan bahawa status pemilikan harta wakaf tersebut akan terputus daripada pewakaf dan menjadi milik Allah ﷻ. Maka pewakaf tidak boleh melakukan apa-apa transaksi terhadap harta yang diwakafkan itu seperti jual beli dan hibah.

Ibn Abd Al-Salam pula merupakan ulama΄ mazhab Maliki mendefinisikan wakaf sebagai "*menyedekahkan manfaat atau hasil daripada sesuatu harta yang dimiliki walaupun secara sewaan kepada mereka yang berhak berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan oleh pewakaf (al-wāqif)*" (Al-Dardir, 2007). Manakala definisi wakaf di sisi Ibn ᶜArafah pula, wakaf ialah "*menyumbangkan manfaat sesuatu harta sepanjang tempoh wujud harta tersebut serta dikekalkan status pemilikan harta tersebut terhadap pewakaf walaupun secara taqdiri"* (ᶜAlish, 1979). Pengkaji mendapati bahawa mazhab Maliki membenarkan pewakaf untuk memutuskan bahawa samada wakaf itu berkekalan atau tertakluk pada tempoh yang tertentu.

Imam Al-Nawawi dari mazhab Shāfiᶜiy pula mendefinisikan wakaf sebagai "*menahan sesuatu harta bersifat kekal serta boleh dimanfaatkan dengan memutuskan hak pemilikan pewakaf terhadap harta itu. Manfaat daripada harta itu akan disedekahkan kepada golongan yang berhak dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah* ﷻ" (Al-Sharbini, 1997). Pengakaji berpandangan bahawa definisi ini seakan-akan sama seperti definisi wakaf oleh Imam Muhammad dan Qadi Abu Yusuf. Melalui takrifan ini, pengkaji mendapati bahawa hak pemilikan harta wakaf itu akan terputus daripada pewakaf setelah selesai akad wakaf. Selain itu, mazhab Shāfiᶜiy juga meletakkan syarat kekal sebagai salah satu syarat sah wakaf.

Ibn Qudamah (2005) daripada mazhab Hanbali pula menyatakan bahawa maksud wakaf ialah "*menahan sesuatu harta atau aset dan menyedekahkan manfaat daripada harta tersebut*". Definisi yang yang dinyatakan oleh Ibn Qudamah ini bersifat umum kerana ianya dimanifestasikan daripada hadith Rasulullah ﷺ tentang wakaf Saidina Umar R.A. Namun begitu, Al-Mardawi (1955) mempunyai takrifan wakaf lebih terperinci dan ianya seakan-akan sama seperti takrif Imam Al-Nawawi dari mazhab Shāfiᶜiy. Justeru, pengakji mendapati bahawa mazhab Hanbali juga meletakkan syarat kekal sebagai syarat sah wakaf. Berdasarkan daripada pentakrifan wakaf daripada empat mazhab yang muktabar ini, pengakji dapat menyimpulkan bahawa wakaf ini adalah menyedekahkan manfaat daripada sesuatu harta tanpa mengubah fizikal asal harta tersebut. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa takrif wakaf di sisi mazhab Maliki adalah satu takrif yang bersifat komprehensif kerana ianya meliputi wakaf secara bertempoh dan kekal. Hal ini adalah bersesuaian dengan keadaan pada masa kini.

Perkataan bertempoh pula dikenali sebagai *al-ta΄qit* atau *al-tauqit* di dalam bahasa arab. Kalimah *al-ta΄qit* ini adalah kata terbitan daripada kalimah *aqqata* (أَقَّت) dan *waqqata* (وقَّت) (Ibn Manzur, 2007; Ibrahim, Muntasir, Atiyyah, & Muhammad, 2004). Kalimah *al-waqt* dari sudut bahasa dapat didefinisikan sebagai satu tempoh masa yang sedang berlalu tanpa terkait dengan masa lalu dan masa hadapan (Al-Jurjani, 1982). Selain itu, ia juga boleh ditakrifkan sebagai satu tempoh waktu yang telah dikadarkan untuk melakukan sesuatu arahan (Ibrahim et al., 2004). Kedua-dua takrif yang dikemukakan oelh pengkaji ini adalah definisi *al-ta΄qit* dari sudut bahasa.

Manakala dari sudut istilah pula, *al-ta΄qit* ialah menghadkan satu tempoh waktu daripada permulaan sehingga pengakhiran untuk melakukan sesuatu perkara (Abd Al-Rauf, 1990). Berdasarkan kitab *Mukhtaṣar Al-Ṣiḥāḥ,* kalimah *al-ta΄qit* ini bermaksud satu tempoh waktu untuk yang telah dikadarkan waktu luputnya untuk melakukan satu pekerjaan (Al-Razi, 1986). Setelah diteliti daripada kedua-dua takrif ini, pengkaji mendapati bahawa maksud definisi *al-ta΄qit* yang pertama adalah lebih lengkap dan komprehensif kerana konsep *al-ta΄qit* ini boleh berlaku pada permulaan waktu dan juga pada pengakhiran sesuatu perkara.

Pengkaji telah membincangkan tentang definisi 'wakaf' dan 'bertempoh' secara berasingan dari sudut bahasa dan istilah. Para fuqaha΄ yang terdahulu tidak mendefinisikan wakaf bertempoh ini secara khusus dan terperinci. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa ulama΄ mazhab Maliki yang mentakrifkan

wakaf bertempoh secara am. Al-Kashnawi (1986)ada menyatakan maksud wakaf bertempoh di dalam kitab *Ashāl Al-Madārik* iaitu "*satu bentuk wakaf yang tertakluk kepada satu tempoh waktu yang ditetapkan oleh pewakaf. Setelah luput tempoh wakaf itu, harta wakaf itu akan berpindah daripada wakaf al-dzurri kepada wakaf al-khairiy atau ianya akan kembali kepada pewakaf*". Pengkaji mendapati bahawa definisi wakaf yang diberikan oleh Ibn Abd Al-Salam sebelum ini juga seakan-akan ada menyatakan tentang wakaf bertempoh.

Selain itu, terdapat juga beberapa cendekiawan Islam moden yang mentakrifkan wakaf bertempoh. Qahf (2000) ada menyatakan tentang wakaf bertempoh di dalam definisi wakaf di sisinya iaitu:

> *"menahan sesuatu aset yang boleh dimanfaatkan berulang kali ataupun hasil daripada harta tersebut untuk tujuan kebaikan umum atau khusus, samada secara berkekalan atau bertempoh bergantung pada syarat dan kehendak pewakaf".*

Berdasarkan definisi ini, pengkaji mendapati bahawa wakaf bertempoh yang dimaksudkan oleh Mundzir Qahf ini ialah satu bentuk wakaf yang dibatasi dengan tempoh waktu yang tertentu bergantung pada kehendak pewakaf. Pewakaf juga tidak dibenarkan untuk melakukan apa jua transaksi ke atas harta yang telah diwakafkan sepanjang tempoh wakaf itu berlansung. M. Firdaus dan Amanullah (2016) pula mentakrifkan wakaf bertempoh sebagai:

> *"satu bentuk wakaf yang memberikan hak kepada pewakaf untuk menetapkan sebarang syarat samada ianya bersifat bertempoh (al-ta΄qit) atau menghadkan golongan penerima wakaf (al-mauqūf ᶜalaih), dengan dengan prinsip serta undang-undang yang telah diperuntukkan oleh Lembaga Wakaf Negeri, bertepatan dengan hukum sharaᶜ serta menjaga kemaslahatan pewakaf, penerima wakaf, dan harta wakaf (al-mauqūf)".*

Setelah diteliti semua definisi yang telah dikemukakan, pengkaji mendapati bahawa definisi ini merupakan definisi wakaf bertempoh yang komprehensif dan lengkap berbanding definisi yang lain. Ini adalah kerana ianya memberikan hak kepada pewakaf untuk menentukan sebarang syarat serta menjamin kebajikan pewakaf, penerima wakaf, dan harta wakaf. Walau bagaimanapun, wakaf bertempoh itu hendaklah selari dengan hukum syarak dan peruntukan perundangan bagi hal ehwal Islam di Malaysia.

Pensyariatan wakaf di dalam Islam telah dinyatakan Al-Quran, Sunnah, dan Ijmaᶜ para ulama. Wakaf tidak disebutkan secara nyata dan jelas di dalam Al-Quran. Walaupun begitu, terdapat beberapa firman Allah ﷻ mengisyaratkan tentang sedekah dan infaq, antaranya:

﴿لَن تَنَالُواْ ٱلۡبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَۚ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَيۡءٖ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٞ﴾

> Terjemahan: *"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebeblum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya".* (Al-Quran. Āli Imran. 3:92)

Petikan ayat Al-Quran ini menyatakan tentang kelebihan membelanjakan harta untuk tujuan kebaikan serta infaq di jalan Allah ﷻ (Al-Zuhaili, 1984). Ibn Kathir (1999) telah mentafsirkan ayat ini dan menyatakan bahawa Allah ﷻ akan memberikan ganjaran (البر) kepada sesiapa yang membelanjakan harta di jalan Allah ﷻ dan untuk tujuan kebaikan. Maksud ganjaran (البر) di sini ialah balasan syurga.

Manakala dalil pensyaritan daripada hadith, ianya dapat dilihat daripada perbuatan Rasulullah ﷺ dan para sahabat R.A. Antara hadith yang menjadi rujukan para ulama΄ dalam menyatakan tentang pensyariatan wakaf ialah:

عن ابن عمر رضي الله عنهما، قال: ((أصاب عمر أرضا بخيبر، فأتى النبي صلى الله عليه وسلم يستأمِره فيها، فقال: يا رسول الله إني أصبت أرضا بخيبر لم أصب مالا قط أنفس عندي منه، فما تأمرني به؟، قال: إن شئت حبست أصلها وتصدقت بها. قال: فتصدق بها عمر أنه لا يباع أصلها ولا تورث ولا توهب، قال: فتصدق بها في الفقراء وفي القربى وفي الرقاب وفي سبيل الله وابن السبيل والضيف لا جناح على من وليها أن يأكل منها بالمعروف ويطعم صديقا غير متمول مالا))

Terjemahan: *"Daripada Ibnu Umar R.A. dia berkata: Bahawa Umar R.A telah mendapat sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau menghadap Nabi s.a.w untuk minta petunjuk dalam mengurusnya, Dia (Umar R.A) berkata: "Wahai Rasulullah sesungguhnya aku mendapat sebidang tanah di Khaibar, yang menurutku, aku belum pernah memperoleh tanah yang lebih baik daripadanya. Apakah yang hendak engkau perintahkan kepadaku dengannya?" Maka sabda Rasulullah s.a.w kepadanya yang bermaksud: "Jika engkau mahu wakafkanlah asetnya dan sedekahkanlah hasilnya." Maka Umar pun sedekahkan manfaatnya dengan syarat harta wakaf itu (maukuf) itu tidak boleh dijualbeli, tidak dihibahkan dan tidak diwariskan (dipusakai). Hasilnya disedekahkan kepada fakir miskin, kaum kerabat, para hamba sahaya, orang yang berada di jalan Allah, ibnu sabil dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan tanah itu untuk mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar dan memberi makan sahabat yang tidak berharta"* (Hadith. Al-Bukhāri. Kitab Al-Waṣāyā. Bab Al-Waqf Kaifa Yuktab. Jil 10: #2587)

Berdasarkan daripada hadith ini, Rasulullah ﷺ memberikan galakkan kepada Saidina Umar R.A atas tindakannya ingin menyedekahkan sebidang tanah miliknya di Khaibar. Menurut Imam Al-Nawawi (1994), perkataan (تصدقت بها) ini juga dapat difahami sebagai wakaf. Ini adalah kerana ini sesuai dengan prinsip asas wakaf iaitu satu menyedekah sesuatu harta secara kekal.

Berdasarkan daripada dalil-dalil yang telah dikemukakan, jumhur para fuqaha´ menyatakan bahawa hukum melakukan wakaf ini adalah sunat yang sangat dituntut (*sunnah muakkad*) kepada seluruh umat Islam. Amalan wakaf ini telah diamalkan sejak dari zaman Rasulullah ﷺ. Perbuatan Saidina Umar R.A menyedekahkan sebidang tanah di Khaibar merupakan wakaf yang pertama dilakukan di dalam sejarah Islam mengikut pandangan yang mahsyur. Selain itu, Ibn Jabir juga merupakan salah seorang sahabat Rasulullah ﷺ ada menyatakan bahawa tiada seorang pun para sahabat yang meninggal dunia melainkan seluruh harta mereka telah diwakafkan. Imam Al-Nawawi dan Imam Al- Shāfiᶜiy juga mengklarifikasikan bahawa wakaf ini merupakan sesuatu yang istimewa dan unik di dalam Islam dan ianya tidak wujud ketika zaman Jahiliyyah (Al-Zuhaili, 1984).

***Pandangan Fuqaha´ Terhadap Wakaf Bertempoh***

Para fuqaha´ telah terbahagi kepada dua pendapat dalam menyatakan hukum pengaplikasian wakaf bertempoh (Ab Rahman & Amanullah, 2017):

i. **Pendapat Pertama: Wakaf hanya sah dilakukan secara berkekalan.**

Fuqaha´ yang berpandangan dengan pendapat ini menyatakan bahawa kekal merupakan syarat sah dan prinsip asas wakaf. Justeru, sesuatu wakaf itu tidak sah jika dilakukan secara bertempoh. Ini adalah pandangan jumhur fuqaha´ iaitu mazhab Hanafi, mazhab Shāfiᶜiy, dan mazhab Hanbali (Al-Sharbini, 1997).

Berdasarkan daripada mazhab Hanafi, Imam Muhammad bin Hasan Al-Shaiban menyatakan bahawa wakaf hendaklah kekal. Beliau menegaskan bahawa kekal merupakan salah satu syarat sah wakaf. Ini adalah kerana wakaf ini dianggap sebagai satu sedekah yang berlanjutan. Maka, satu sedekah yang berlanjutan itu tidak boleh dibatasi dengan tempoh masa yang tertentu. Justeru, wajib bagi pewakaf untuk menyatakan kekal di dalam sighah wakaf samada ianya merangkumi lafaz dan makna ataupun cukup pada makna sahaja (Al-Shaiban & Al-Sarkhasi, 1997).

Mazhab Shāfiᶜiy mensyaratkan kekal secara mutlak pada wakaf dan ianya adalah tidak sah jika dilakukan secara bertempoh. Al-Shīrazi (1996) menyatakan bahawa wakaf hendaklah dilakukan secara berkekalan kerana ia dianggap sebagai membelanjakan harta untuk tujuan kebaikan. Harta yang diwakafkan itu hendaklah disalurkan kepada penerima wakaf yang tidak terputus seperti golongan fakir miskin, penuntut ilmu, dan para ulama´ (Al-Nawawi, 2008).

Selain itu, mazhab Hanbali turut menyatakan wakaf hendaklah dilakukan secara kekal dan tidak dibenarkan untuk melakukan sebarang transaksi terhadap harta yang telah diwakafkan. Harta wakaf itu juga tidak boleh dikembalikan kepada pewakaf selepas akad wakaf itu termetrai (Ibn Qudamah, 2005). Disamping itu, terdapat juga beberapa ulama´ moden yang bersetuju dengan pendapat Ibn Qudamah (2005). Sebagai contohnya, ᶜAshub (2000) menyatakan bahawa beliau lebih cenderung kepada mazhab Hanafi yang menyatakan wakaf tidak sah jika dilakukan secara bertempoh. Al-Raisuni (2014) juga menyatakan wakaf hendaklah dilakukan secara kekal kerana ia dianggap sedekah yang berterusan (صدقة جارية).

**ii. Pendapat Kedua: Wakaf adalah sah sama ada dilakukan secara bertempoh atau kekal**

Para fuqaha´ yang cenderung pada pendapat ini mengatakan wakaf adalah sah jika pewakaf ingin melakukannya secara kekal atau pun bertempoh. Jika sesuatu harta itu diwakafkan secara bertempoh, harta tersebut boleh dimanfaatkan untuk perkara yang lain selepas luput tempoh yang ditetapkan. Hal ini adalah kerana para fuqaha´ yang berpegang pada pendapat ini menyatakan bahawa kekal bukanlah prinsip asas dan syarat sah wakaf (Ab Rahman & Amanullah, 2017).

Berdasarkan mazhab Hanafi, Qadi Abu Yusuf menyatakan bahawa kekal bukanlah satu prinsip asas dan syarat sah wakaf (Abu Al-Ma'ali, 2004). Justeru, pewakaf dibenarkan untuk mengisytiharkan wakaf itu dengan cara bertempoh. Setelah tamat tempoh wakaf tersebut, status pemilikan harta wakaf itu akan kembali kepada pewakaf atau kepada warisnya jika pewakaf itu meninggal dunia. Berdasarkan kitab *Fatḥ Al-Qadīr*, Abu Yusuf berpendapat bahawa tujuan utama pensyariatan wakaf adalah sebagai salah satu cara bagi seorang hamba untuk mengabdikan dan mendekatkan diri kepada Allah ﷻ melalui harta. Oleh itu, wakaf adalah dibenarkan untuk disalurkan kepada mana-mana golongan sama ada ianya golongan yang bersambung seperti fakir miskin atau yang terputus seperti kaum kerabat (Ibn al-Humam, 2003).

Selain itu, pendapat ini juga merupakan pandangan muktamad mazhab Maliki dan ianya selari dengan definisi wakaf di sisi mereka. Fuqaha´ mazhab Maliki menyatakan bahawa tiada satu pun dalil yang jelas yang menunjukkan bahawa wakaf mesti dilakukan secara kekal. Ibn Qudamah (2005) menyatakan bahawa kekal bukanlah satu syarat yang wajib dituruti untuk menjamin status sah wakaf tersebut. Justeru, hal ini bermaksud bahawa wakaf secara bertempoh adalah sah dan status pemilikan harta wakaf itu akan kembali kepada pewakaf setelah tamat tempoh wakaf yang ditetapkan.

Disamping itu, terdapat satu pandangan daripada mazhab Shāfiᶜiy yang membenarkan wakaf bertempoh. Imam Al-Nawawi (1991) berpendapat bahawa jika pewakaf menyatakan wakafnya itu hanya untuk satu tempoh waktu yang tertentu, maka wakaf tersebut sah sehingga luput tempoh waktu seperti yang ditetapkan oleh pewakaf. Penyataan ini telah disokong oleh Al-Sharbini (1997). Beliau menyatakan bahawa wakaf adalah sah jika pewakaf menyatakan: "*Aku mewakafkan hartaku ini kepada Zaid selama setahun dan akan diwakafkan pula kepada fakir miskin selepas cukup setahun*". Hal ini menunjukkan bahawa wakaf bukan hanya terhad kepada wakaf secara kekal malahan wakaf bertempoh juga sah untuk diaplikasikan.

Berdasarkan mazhab Hanbali pula, terdapat satu pandangan yang menunjukkan bahawa wakaf bertempoh adalah sah. Al-Mardawi (1955) menyatakan jika seseorang itu hendak berwakaf hanay untuk satu tempoh masa yang tertentu, maka wakaf itu tidak sah. Walau bagaimanapun, Ibn Manjā menyatakan

bahawa wakaf seperti itu adalah sah dan ianya banyak disebutkan di dalam kitab-kitab turath fiqh mazhab Maliki. Selain itu, pengaplikasian wakaf bertempoh ini juga turut dibenarkan oleh sebahagian ulama´ moden seperti Qahf (2000), Al-Zarqā (1997), Al-Rifaᶜi (2006), Al-Nujaimi (2006), dan Hizaᶜ (2006).

Berdasarkan daripada perbahasan yang telah dikemukakan, pengkaji mendapati bahawa pengaplikasian wakaf bertempoh adalah sah dan dibenarkan oleh syarak. In adalah kerana prinsip asas dan syarat sah wakaf bukanlah berkekalan akan tetapi untuk mendekatkan diri kepada Allah ﷻ dengan cara menginfaqkan harta. Kebenaran untuk melakukan wakaf bertempoh ini adalah disebabkan keperluan semasa dan untuk merealisasikan maslahah ummah tanpa mengenepikan nas Al-Quran dan hadith. Ini adalah disebabkan wakaf bertempoh mampu untuk meluaskan lagi manfaat dan kebaikan wakaf. Sebagai mana yang disebutkan di dalam salah satu kaedah fiqh, “Sesuatu fatwa itu boleh berubah mengikut peredaran zaman, tempat, dan situasi” (Ibn Al-Qayyim Al-Jauziyah, 2002).

### *Cabaran Pengaplikasian Wakaf Bertempoh di Institusi Wakaf di Malaysia serta Cadangan Penambahbaikannya*

Pentadbiran institusi wakaf di Malaysia adalah terletak di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri. Pengkaji telah membahaskan tentang pendapat para fuqaha´ terhadap pengaplikasian wakaf bertempoh dan ianya dibenarkan oleh sebahagian fuqaha´. Ini adalah kerana manfaat dan kelebihannya lebih luas berbanding pengaplikasian wakaf secara kekal. Secara amnya, pengaplikasian wakaf bertempoh di Malaysia masih berada pada tahap yang kurang memuaskan oleh kerana ianya masih tidak meluas. Ini adalah kerana terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh institusi wakaf di Malaysia untuk mengaplikasikan wakaf bertempoh. Antaranya ialah:

#### i. Cabaran dari sudut perundangan dan fatwa

Pengurusan harta wakaf di Malaysia adalah terletak di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri dengan berpandukan sumber perundangan daripada Enakmen/Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri, Enakmen Wakaf Negeri, serta fatwa-fatwa yang telah diwartakan (Rohayu & Rosli, 2014). Secara amnya, majoriti negeri-negeri di Malaysia mengaplikasikan mazhab Shāfiᶜiy pada perkara yang berkaitan dengan perundangan hal ehwal Islam termasuk wakaf. Hal ini boleh dirujuk di dalam Enakmen/Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri. Berdasarkan perbahasan yang telah diketengahkan oleh pengkaji sebelum ini, pendapat muktamad mazhab Shāfiᶜiy menyatakan bahawa wakaf hanya sah jika dilakukan secara berkekalan. Oleh yang demikian, sebahagian besar mufti-mufti di Malaysia tidak mengharuskan pengaplikasian wakaf secara bertempoh melainkan mufti negeri Johor (Rahman & Amanullah, 2017). Sebagai contohnya, fatwa berkenaan hukum harta wakaf di Melaka yang diwartakan pada 2 Februari 1995 menyatakan bahawa harta wakaf itu tidak boleh dijual, tidak boleh diberi (*hibah*), dan tidak boleh dipindah milik (Buang, 2002). Berdasarkan daripada fatwa ini, pengkaji mendapati bahawa wakaf yang hanya sah diaplikasikan di Melaka ialah wakaf secara kekal.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa beberapa negeri di Malaysia yang telah membenarkan pengaplikasian wakaf secara bertempoh seperti Johor, Wilayah Persekutuan, Terengganu, dan Sarawak (M. Firdaus & Amanullah, 2016). Hal ini adalah kerana terdapat sebahagian para fuqaha´ yang membenarkan pengaplikasiannya seperti Imam Muhammad dan Abu Yusuf dari mazhab Hanafi, mazhab Maliki, dan sebahagian fuqaha´ mazhab Hanbali. Pengaplikasian wakaf bertempoh ini boleh dirujuk di dalam

Enakmen/Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri serta Enakmen Wakaf Negeri seperti berikut:

Jadual 1*: Kebenaran untuk melakukan wakaf bertempoh berdasarkan Enakmen Wakaf Negeri dan Enakmen/Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri.*

| Bil | Enakmen/Akta | Kenyataan |
|---|---|---|
| **1** | Seksyen 17 Kaedah-Kaedah Wakaf (Johor) 1983. | "Wakaf masjid dan wakaf kerana masjid adalah muabbad dan wakaf yang lain daripada masjid dan kerana masjid dan wakaf yang lain daripada wakaf ahli harus muabbad dan harus muaqqat dan sekiranya diitlakkan maka wakaf itu menjadi muabbad ataupun wakaf ahli adalah muaqqat yang tidak lebih masanya dari 60 tahun dari tarikh mati waqif atau dua keturunan tidak termasuk waqif." |
| **2** | Seksyen 2 Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001. | " 'Wakaf khas' ertinya wakaf yang berkekalan, atau bagi suatu tempoh yang tertentu, atas harta modal bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Undang-Undang Islam dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang manfaat dan faedah daripadanya diberikan kepada orang-orang tertentu atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu." |
| **3** | Seksyen 18 (1) Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016. | "Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu wakaf irsod, wakaf muabbad, wakaf muaqat, wakaf musya$^{c}$, atau wakaf musytarak ke atas mana-mana atau keseluruhan hartanya." |
| **4** | Seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. | " 'Wakaf khas' ertinya wakaf yang berkekalan atau bagi suatu tempoh terhad atas modal harta bgai maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang berpendapatan daripadanya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu." |

*Sumber: Diperolehi daripada portal rasmi E-Syariah.*

Berdasarkan daripada jadual di atas, pengkaji mendapati bahawa pengaplikasian wakaf bertempoh hanya tertumpu kepada wakaf khas atau wakaf ahli. Walau bagaimanapun, pengaplikasiannya berbeza di Johor dan Terengganu. Menurut Kaedah-Kaedah Wakaf (Johor) 1983 seperti yang dinyatakan, wakaf bertempoh adalah diharuskan untuk dilakukan kepada semua jenis harta selama mana ianya bukan untuk tujuan wakaf masjid. Wakaf bertempoh juga dibenarkan dalam bentuk wakaf khairiy/am dan wakaf ahli. Jika dilihat pada Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 pula, kebenaran untuk melakukan wakaf bertempoh juga tidak dihadkan pada mana-mana jenis wakaf sama ada wakaf khas atau wakaf am.

